



KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH



KENYATAAN MEDIA

MEDIA RELEASE

Aras 5-9, No. 47, Persiaran Perdana
Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan, 62100 Wilayah Persekutuan
Putrajaya
Tel: 03-8891 2682
Faks: 03-8888 2311
Laman Web: www.kemas.gov.my

No. Rujukan: KEMAS.100-9/1/3 (4)

Tarikh: 16 Mei 2024 / 7 Zulkaedah 1445H

KEMAS FOKUS EMPAT TERAS UTAMA LAKSANA PELAN TRANSFORMASI DIGITAL PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK

PUTRAJAYA, 16 Mei. – Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) memberi fokus kepada empat teras utama dalam memastikan kualiti pendidikan di TABIKA dan TASKA KEMAS menepati matlamat yang ditetapkan seiring dengan peredaran era digitalisasi masa kini.

Ketua Pengarah KEMAS, Datuk Ahmad Kamal Idris Mohd Nawawi berkata, ini seiring dengan hasrat kerajaan melalui Kementerian Pendidikan (KPM) hari ini mengumumkan beberapa inisiatif antaranya bagi melonjakkan kapasiti guru dalam bidang digital.

“KEMAS telah bergerak sejak 2023 bagi merangka empat teras utama bagi memastikan pendidik bersedia dengan kemahiran yang diperlukan dalam dunia pendidikan digital semasa seiring dengan tema hari guru tahun ini “Guru Jauhari Digital, Aspirasi Negara MADANI”.

“Pertamanya dengan meningkatkan keupayaan digital personel melalui pelaksanaan pelbagai kursus, bengkel dan program kompetensi digital pendidik dengan kerjasama pakar akademik serta pihak industri,” katanya.

Tambah beliau, KEMAS turut menyediakan *talent pool*, dimana pendidik yang telah mengikuti kursus dan berkemahiran akan dijadikan sebagai pakar rujuk dalam bidang berkaitan pendidikan digital.

“Seterusnya KEMAS turut memfokuskan untuk membangunkan bahan pembelajaran secara digital melalui penganjuran Anugerah Inovasi dan Multimedia Pendidikan Awal Kanak-Kanak (AIMPAK) dalam usaha mencungkil bakat di kalangan pendidik menghasilkan video pembelajaran yang relevan untuk digunapakai.

“Malah kerajaan turut meluluskan sejumlah RM20 juta bagi tahun ini untuk pelan transformasi digital ini,” katanya dalam sesi temubual khas sempena sambutan Hari Pendidik KEMAS 2024 hari ini.

Melalui Pelan Transformasi Digital Pendidikan Awal Kanak-Kanak (PAK) ini, KEMAS turut berusaha membekalkan kemudahan peralatan ICT seperti komputer riba dan akses internet di kelas-kelas TABIKA.

“KEMAS juga sedang membangunkan sistem tadbir urus secara digital yang lebih berkesan seperti pengenalan kepada e-Rancangan Pengajaran Harian (RPH) yang dapat membantu para pendidik membuat rancangan mengajar secara digital,” tambah beliau lagi.

KEMAS turut mengucapkan setinggi penghargaan kepada pihak MDEC kerana menjemput KEMAS menjadi sebahagian daripada agensi yang terlibat dalam Program Pencarian Cikgu Juara Digital sejak 2022.

Sehingga 2024, 17 orang Pendidik TABIKA/TASKA KEMAS telah dinobatkan sebagai Cikgu Juara Digital.

-TAMAT-

Disediakan oleh:

Unit Komunikasi Korporat

KEMAS

16 Mei 2024

MAKLUMAT TAMBAHAN :

EMPAT TERAS UTAMA PELAN TRANSFORMASI DIGITAL PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK (PAK) KEMAS

TERAS PERTAMA – Meningkatkan keupayaan digital personel melalui pelaksanaan pelbagai kursus, bengkel dan program kompetensi digital pendidik dengan kerjasama pakar akademik serta pihak industri.

TERAS KEDUA - Menyediakan *talent pool*, dimana pendidik yang telah mengikuti kursus/bengkel/program akan dijadikan sebagai pakar bidang (*Subject Matter Expert*) dalam bidang berkaitan pendidikan digital.

TERAS KETIGA - Membangunkan bahan pembelajaran secara digital melalui penganjuran Anugerah Inovasi dan Multimedia Pendidikan Awal Kanak-Kanak (AIMPAK) dalam usaha mencungkil bakat di kalangan pendidik menghasilkan video pembelajaran yang relevan untuk digunapakai.

TERAS KEEMPAT – Menyediakan kemudahan peralatan ICT, akses internet, kandungan digital, tadbir urus digital yang lebih berkesan seperti pengenalan kepada e- Rancangan Pengajaran Harian(RPH) dan Sistem e-Pengurusan TABIKA yang sedang dibangunkan.